

# PABM: Manifestasi Pengantarabangsaan Bahasa Melayu

**P**ADA 26 November 2021, sekali lagi penulis diberikan amanah untuk menghakimi Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu 2021 Piala Perdana Menteri (PABM) pada peringkat separuh akhir di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Penganjuran PABM sudah masuk kali ke-14 dan kali ke-14 ini juga saya menggalas amanah penghakiman ini.

Pada tahun ini penyertaan dalam PABM dilihat berkurangan berbanding dengan edisi PABM sebelumnya. Kekangan kerana pandemik COVID-19 yang melanda dunia menjadi antara penyumbang utama terhadap kemerosotan penyertaan kali ini, malah penganjuran sebelumnya pada tahun 2020 terpaksa dibatalkan.

PABM pernah menghadirkan peserta dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Itali, Perancis, German, Belanda, Rusia, Azerbaijan, Latvia, Turki, Australia, Bosnia, Tajikistan, Belgium, Jordan, Tunisia, India, Hungary, Moldova, Negeria, Palestin, Kazakhstan, China, Jepun, Sri Langka, Pakistan, Uzbekistan, Bangladesh, Guinea, Indonesia, Brunei, Singapura, Filipina, Cambodia dan Thailand. Edisi PABM ke-14 ini turut menerima penyertaan secara dalam talian termasuk juga penghakiman dibuat secara dalam talian.

Dengan melihat sorotan penghakiman pada peringkat separuh akhir, sebanyak 15 orang peserta daripada keseluruhan 60 orang peserta dari 27 buah negara yang mengambil bahagian telah disaringkan pada peringkat awal dan suku akhir sebelumnya. Peringkat saringan dan suku akhir sebelumnya telah dilaksanakan di Institut Terjemahan dan Buku Malaysia,



**YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dan YAB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad sama-sama meluangkan masa mengikuti pertandingan PABM 2021.**

Kuala Lumpur secara dalam talian. Semua hakim yang diamanahkan sebelumnya sudah tentu memberikan justifikasi penghakiman setepat mungkin dengan mengambil kira kriteria penghakiman yang ditetapkan, iaitu isi (40 peratus), bahasa (35 peratus), gaya (20 peratus) dan etika (5 peratus). Oleh itu, peserta yang telah melayakkan diri ke peringkat separuh akhir adalah yang terbaik dalam kalangan semua peserta yang bertanding.

Sebanyak lima orang pemedato Kategori Antarabangsa, Mina Uchida @ Maryam (Jepun), Youssouf Haidara (Mali), Hana Takahashi @ Hamim (Jepun), Nargiza Ortikova (Uzbekistan) dan Su Lin (China). Lima orang pemedato Kategori Alam Melayu, Amelia Effendy (Indonesia), Muhammad Iqbaal Syakib Haji Suhub (Brunei), Muslimah Mahadi (Brunei), Siti Nur Shafika Md Fakhharuzi (Malaysia) dan Munirah Muhammad (Malaysia). Lima orang pemedato kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia, Muhammad Faizal (Bangladesh – Universiti Putra Malaysia, Aminata Koutoub Sano (Guinea – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia/UIAM),

Maryam M. Azeem (Afghanistan – AlBukhary International University/AIU), Rubiat Sadia Mim (Bangladesh – Universiti Teknologi Malaysia/UTM) dan Salma Wael Marzouk Abouelsoud Hashem (Mesir – Universiti Kebangsaan Malaysia/UKM).

Secara peribadi penulis sangat teruja menghakimi PABM sejak dari penganjuran pertamanya pada tahun 2007. Penulis sangat bertuah dengan kepercayaan yang diberikan oleh pihak penganjur sedari awal penganjurannya lagi dan agenda ini sentiasa dalam keutamaan penulis pada setiap kali undangan diterima oleh penulis. Sebagai graduan bahasa Melayu, tentunya menjadi kebanggaan penulis apabila bahasa Melayu diangkat pada peringkat antarabangsa melalui pertandingan pidato ini. Orator dan bahasa, yang keduanya tersemat dalam sanubari kecintaan penulis sedaya mungkin untuk partisipasi penulis diletakkan bersama.

Penulis akui bukan tugas yang mudah untuk memilih tiga orang peserta bagi setiap kategori untuk ke peringkat akhir. Setiap peserta mempunyai kredibiliti masing-masing dengan penguasaan bahasa Melayu yang sangat baik dan fasih,

serta petah berhujah memberikan buah fikir bernas dalam kemahiran orator mereka. Ada dalam kalangan peserta yang pertuturan dan lengkok bahasanya tidak dapat kita bezakan dengan penutur jati bahasa ibunda ini, malah mungkin juga lebih baik daripada sesetengah warganegara yang masih terkial-kial untuk mempraktikkan bahasa Melayu dalam pertuturan harian. Saban tahun penganjuran PABM pasti ada peserta peserta antarabangsa yang berkebolehan demikian dan penulis kira kredit wajar diberikan kepada prakarsa penganjuran program ini. Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) yang menjadi penganjur PABM harus terus dikalungkan penghargaan dalam usaha mereka memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

Memenuhi formasi kategori PABM seperti tahun sebelumnya, tiga kategori dalam PABM, iaitu Kategori Alam Melayu, Kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia dan Kategori Antarabangsa dipertandingkan pada tahun ini. Dua wakil Malaysia, dua wakil Brunei dan seorang wakil Indonesia melayakkan diri ke peringkat separuh akhir dalam

kategori Alam Melayu. Uzbekistan, Mali, Jepun (dua peserta) dan China beraksi dalam kategori antarabangsa manakala Bangladesh (dua peserta), Mesir, Guinea dan Afghanistan dalam kategori Pelajar Antarabangsa Malaysia. Kesemua mereka berpidato dengan lancar dan menghayati pidato mereka dengan baik. Tidak mudah juga untuk memutuskan pemedato untuk tidak tersenarai ke pertandingan akhir kerana beza mata yang agak tipis dalam penyampaian pidato mereka. Tidak keterlaluan juga jika penulis katakan tidak ketara sangat perbezaan antara pemedato dalam ketiga-tiga kategori ini, malah jika dipertandingkan secara terbuka tanpa penetapan kategori ini mereka boleh memberikan persaingan yang hebat.

Dalam konteks pertandingan, pasti ada menang dan kalah. Kalah pertandingan tidak memaknakan kalah semuanya. Bagi penulis, semua pemedato ini pemenang. Mereka menang dalam sudut pandang penulis dari kaca mata pencinta bahasa Melayu. Hebat upaya mereka menzahirkan bahasa Melayu dalam penyampaian di khalayak menarik kekaguman penulis, sedang penutur jati bahasa ibunda pun belum tentu dapat berpidato di khalayak dengan baik untuk menyampaikan buah fikir dengan

susunan bahasa yang indah bersandarkan keyakinan yang tinggi. Mereka bakal menjadi duta bahasa Melayu di negara mereka kelak dan secara tidak

langsung akan tersebar luas bahasa ini. Secara peribadi penulis memilih Siti Nur Shafika Md Fakharuzi (Malaysia) dengan tajuk pidatonya, "Simbiosis Dunia yang Ditangisi" untuk mengungguli Kategori Alam Melayu. Lantunan suara yang jelas dengan intonasi yang sangat baik mengupas tajuk pidatonya ternyata meletakkan beliau sebagai pemedato unggul. Isi pidatonya dikupas begitu lancar dengan penuh penghayatan menjadikan ucapan pidatonya menyentuh hati hakim dan penonton. Pengalaman peribadi yang digarapkan dalam inti pati pidatonya juga bertepatan dan sesuai dengan tajuk yang dipidatokan beliau.

Dalam Kategori Alam Melayu, dominasi Malaysia masih utuh. Pembudayaan orator seperti pidato dan debat yang mengisi kemahiran insaniah mahasiswa di institut pengajian tinggi wajar terus diperkasakan. Penganjuran yang berterusan sekalipun ketika pandemik COVID-19, melalui kaedah secara dalam talian ternyata masih memberikan nafas terhadap usaha memartabatkan budaya kemahiran orator dalam kalangan mahasiswa. Pemerkasaan ini pasti akan memastikan dominasi Malaysia berterusan sebagai contoh dan rujukan utama dalam kalangan pemedato luar negara yang berhasrat menyertai PABM.

Dalam kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia, penghakiman peribadi penulis memilih Salma Wael Marzouk Abouelsoud Hashem yang menyampaikan pidato bertajuk "Pendidikan Kini Berteraskan Nilai, Tunjang Masyarakat Mithali". Kupasan nilai integriti dengan memberikan analogi logik menjadikan pidato beliau mudah difahami. Fasih berbahasa Melayu dengan kelancaran setanding dengan penutur asli bahasa Melayu menzahirkan secara jelas penghayatan dan penguasaan tajuk pidato yang disampaikan beliau. PABM sebagai manifestasi pengantarabangsaan bahasa Melayu yang wajar diberikan perhatian dalam penganjurannya.

**Salma Wael Marzouk Abouelsoud Hashem memberikan analogi logik menjadikan pidato beliau mudah difahami.**

**Siti Nur Shafika Md Fakharuzi (Malaysia) mempunyai lantunan suara yang jelas dengan intonasi yang sangat baik ketika mengupas tajuk pidatonya.**

Kategori Pelajar Melayu Antarabangsa, jelas menunjukkan peningkatan kualiti pidato yang dipamerkan pada tahun ini. Kefasihan dan petah bicara peserta membuktikan pengajian mereka di bumi Malaysia ini tidak sekadar difokuskan pada bidang pengajian, tetapi mereka turut mempelajari dan menguasai bahasa selain mendekati budaya masyarakat berbilang bangsa di negara kita. Oleh itu, kedatangan juga dalam kalangan peserta yang turut menyelitikan dialek negeri dalam pidato mereka selain daripada rangkap pantun diungkap mengisi keindahan bahasa dalam ucapan pidato mereka.

Kategori Antarabangsa, peserta Uzbekistan, Nargiza Ortikova Amirdin Qizi dengan mauduk pidato, "Pemeriksaan Belia dalam Mendepani Arus Revolusi Industri 4.0" menarik perhatian penulis. Walaupun agak jelas pidatonya daripada hafalan teks, namun garapan isi pidatonya dapat dikupas dengan lancar. Pantun dan ungkapan bahasa Melayu yang baik dan bersesuaian juga memantapkan penyampaian pidatonya selain kebolehan berinteraksi dengan audiens. Dalam kalangan peserta Kategori Antarabangsa, mereka dilihat begitu serius dalam penyertaan pertandingan ini. Seorang peserta PABM tahun ini dihabiskan berkesediaan mendirikan rumah tangga dahulu bagi membolehkan dia menyertai PABM tahun ini. Oleh sebab undang-undang negaranya yang tidak membenarkan anak gadis ke luar negara melainkan sudah berkahwin dan mendapat keizinan suaminya, dia berkesanggupan memenuhi keperluan itu. Beliau hadir dan telah berpidato dalam bahasa Melayu di negara kita dan menjadi salah seorang peserta akhir. Mungkin ini kisah terasing namun kisah ini benar-benar terjadi.

Demikian juga minat terhadap bahasa Melayu dalam kalangan mereka yang memilih bahasa Melayu sebagai bidang pengajian mereka di universiti yang menawarkan pengajian bahasa asing. China mengekalkan tradisi penyertaan

mereka sekalipun terpaksa berpidato secara dalam talian. China, antara negara yang tidak pernah gagal menyertai PABM sejak pertama kali dianjurkan dan pernah juga pesertanya muncul sebagai juara. Beijing Foreign Studies University (BFUS) merupakan universiti yang memberikan komitmen tinggi dalam pengajian Bahasa Melayu di sana dan memberikan komitmen padu dalam PABM. Mereka tidak sekadar memilihnya sebagai bidang pengajian tetapi turut menjiwai bahasa ini. Dengan demikian, tidak hairanlah mereka berupaya meterjemahkannya dengan baik dalam pidato yang disampaikan oleh mereka.

Oleh sebab banyak penganjuran pidato pada tahun sebelumnya telah dimuat naik dalam media sosial, maka penganjuran pidato ini menjadi antara rujukan utama pemedato PABM ini. Hal ini merupakan perkembangan yang baik untuk memanfaatkan media sosial, namun sebagai antara hakim yang menghakimi pidato pada tahun sebelumnya penulis tidak bergitu terpicik dengan pemedato yang cuba meniru gaya pemedato terdahulu. Ayat yang sama, gaya penyampaian yang serupa, malah nada dan intonasi yang dialun juga tidak berbeza. Seharusnya pertandingan pidato lalu itu wajar dijadikan panduan dan rujukan, tetapi tidak wajar dijadikan ikutan secara bulat-bulat. Budaya ikut-ikutan dan tiru-meniru ini akan membunuh keaslian dan tidak membina identiti tersendiri pemedato. Bagai mendengar dendangan lagu, sudah pasti kita akan dapat membezakan jika lagu itu bukan didendang oleh penyanyi asal. Mungkin juga boleh ada dendangan itu lebih baik daripada penyanyi asal namun milik asli itu tidak boleh dipadam.

Konsensus penghakiman para hakim pada peringkat separuh akhir telah bersetuju memilih senarai pemedato yang berikut untuk beraksi di pentas akhir PABM 2021 pada 28 November 2021 yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor dan disiarkan secara langsung

di TV1 dan portal penerbitan Jendela DBP pada pukul 9.00 malam.

#### Kategori Antarabangsa

- i. Youssouf Haidara (Mali)
- ii. Hana Takahashi @ Hamim (Jepun)
- iii. Nargiza Ortikova (Uzbekistan)

#### Kategori Alam Melayu

- i. Muhammad Iqbaal Syakib Haji Suhub (Brunei)
- ii. Siti Nur Shafika Md Fakharuzi (Malaysia)
- iii. Munirah Muhamad (Malaysia)

#### Kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia

- i. Aminata Koutoub Sano (Guinea, UIAM)
- ii. Maryam M Azeem (Rubiat Sadia Mim (Bangladesh, UTM)
- iii. Salma Wael Marzouk Abouelsoud Hashem (Mesir, UKM).

Hingga kini PABM merupakan satu-satunya wadah sayembara pidato bahasa Melayu peringkat antarabangsa yang ada di dunia ini. Agenda yang sangat wajar untuk diteruskan bagi memperkembang identiti bahasa kebangsaan ini ke pentas antarabangsa. Bahasa yang sangat mudah dikuasai, malah banyak sahaja daripada kalangan warga asing, waima buruh kasar sekalipun dapat menguasai bahasa ini ketika mereka bermigrasi bekerja di negara kita.

Bahasa yang pernah menjadi *lingua franca* dari abad ketujuh hingga abad ke-19 ini merupakan catatan sejarah kegemilangan bahasa yang membina tamadun ilmu dan peradaban bangsa. Kemerosotannya pada awal abad ke-20 menjadi malapetaka kepada perkembangannya kesan daripada penjajahan dan paksa desak penjajah yang mengimpikan bahasa mereka digunakan seluasnya dalam urusan rasmi negara. Oleh itu, usaha untuk mengangkat martabat bahasa ini perlu didokong kuat secara kolektif oleh pihak kerajaan atau rakyat secara keseluruhannya. **PB**

\*Pertandingan PABM 2021 boleh diikuti menerusi pelantar penerbitan digital [jendeladbp.my](http://jendeladbp.my) di pautan: [Malam Kemuncak Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu \(PABM\) 2021 \(jendeladbp.my\)](#) dan berita tentang kemenangan juara di pautan: [PABM 2021 Diungguli oleh Peserta Wanita - Dewan Bahasa \(jendeladbp.my\)](#).